

04/04/2001

PM lawat Kelantan Sabtu

KOTA BHARU, Selasa - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi selama sehari ke Kelantan, Sabtu ini.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan Jabatan Penerangan Kelantan, hari ini, Perdana Menteri akan memulakan acara dengan merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Bahagian Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Chekati, dekat pekan itu, jam 11.15 pagi.

Dr Mahathir kemudian akan menghadiri Majlis Mesra bersama pemimpin akar umbi Umno Bahagian Tanah Merah/Jeli di Sekolah Menengah Teknik, Tanah Merah jam 3.30 petang.

Pada sebelah malam, beliau yang juga Presiden Umno akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan biro politik tiga peringkat Umno bahagian seluruh negeri di Dewan Umno Negeri, Jalan Tengku Chik, di sini, jam 9.15 malam.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur di lapangan terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, jam 10.45 malam.

(END)